



بنك معاملات

Bank Muamalat

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA  
(ASB) BERJANGKA-i (ASB PB-i)

Tarikh: \_\_\_\_\_

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini beserta terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

1. **Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?**

Pembiayaan ASB Berjangka-i merupakan satu kemudahan pembiayaan bagi pelanggan untuk menyertai pelaburan di bawah unit Amanah Saham Bumiputera (ASB). Pembiayaan ini dijamin melalui Sijil ASB dan pelanggan boleh menikmati pulangan ASB yang akan dikreditkan secara automatik ke dalam akaun ASB pelanggan. Ia adalah kemudahan pembiayaan berjangka yang dijamin berlandaskan Syariah untuk pelanggan-pelanggan melabur dalam unit Amanah Saham Bumiputera (ASB).

2. **Apakah konsep Syariah yang digunakan?**

Produk Pembiayaan ASB Berjangka-i yang dijamin berlandaskan Syariah ini berasaskan konsep *Tawarruq* dan menggunakan gabungan kontrak Syariah termasuk *Murabahah*, *Wakalah* dan digabungkan dengan janji yang mengikat di bawah konsep *Wa'd Mulzim*. Pelanggan memohon pembiayaan peribadi daripada pihak Bank dengan membuat satu janji yang mengikat (*Wa'd Mulzim*) bagi permintaan aset untuk membeli komoditi-komoditi patuh Syariah ("Komoditi") seperti minyak sawit mentah ("MSM"), resin plastik- polyethylene ("PE") atau olein sawit RBD ("OLN") atau lain-lain komoditi yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah daripada pihak Bank pada Harga Jualan. Pihak Bank akan membeli Komoditi daripada pembekal pada Harga Belian ("Transaksi Belian"), dan kemudiannya, menjual Komoditi tersebut kepada pelanggan pada Harga Jualan ("Transaksi Jualan"). Jual beli Komoditi adalah berasaskan *Murabahah*. Harga Jualan hendaklah dibayar oleh pelanggan kepada pihak Bank secara tertanggung. Pelanggan hendaklah seterusnya menjual Komoditi tersebut (melalui pihak Bank yang bertindak sebagai ejen di bawah *Wakalah*) kepada pihak ketiga secara tunai. Wang tunai tersebut akan dianggap sebagai peruntukan pembiayaan kepada pelanggan.

Transaksi *Tawarruq* hendaklah dilaksanakan sebelum pembayaran amaun pembiayaan kepada Pelanggan. Walau bagaimanapun, pelanggan berhak untuk mengambil komoditi yang telah dibeli oleh pihak Bank apabila permintaan secara bertulis dibuat oleh pihak pelanggan sebelum pihak Bank menjual komoditi tersebut kepada pihak ketiga. Semua kos dan perbelanjaan penghantaran serta pemindahan pemilihan komoditi akan ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan. Oleh yang demikian, amaun pembiayaan tidak akan dibayar kepada pelanggan.

3. **Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?**

| Item              | Butiran  |
|-------------------|--|
| Huraian Produk    | <ul style="list-style-type: none"> <li>Di bawah skim ini, pelanggan memilih skim pembiayaan peribadi sebagai modal untuk pelaburan dalam ASB dan pelanggan perlu membayar ansuran bulanan (terdiri daripada prinsipal dan keuntungan) sehingga tamat tempoh pembiayaan.</li> <li>Pelanggan akan menikmati keuntungan melalui pendapatan dividen ASB dan simpanan.</li> </ul> |
| Jumlah Pembiayaan | <p>Minimum : RM 10,000<br/>Maksimum : RM 200,000*</p> <p>*Termasuk baki tertunggak sedia ada dalam Pembiayaan ASB Berjangka-i, (jika ada) atau sehingga jumlah pelaburan maksimum yang dibenarkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), yang mana lebih rendah. Jumlah pembiayaan yang diluluskan adalah berdasarkan penilaian kredit oleh pihak Bank.</p>               |

Jumlah Sijil

- Sehingga 200,000 unit Amanah Saham Bumiputra.
- Bilangan sijil boleh dipecahkan seperti berikut tertakluk pada denominasi minimum RM 1,000 setiap sijil.

| Nilai Pelaburan           | Bilangan Maksimum Sijil ASB |
|---------------------------|-----------------------------|
| Sehingga RM 50,000        | 2                           |
| > RM 50,000 - RM 100,000  | 3                           |
| > RM 100,000 - RM 200,000 | 5                           |

Kadar Keuntungan

Amaun Pembiayaan : RM 100,000.00

Margin Pembiayaan : 100 %

Tempoh Pembiayaan : 15 tahun

Kadar Keuntungan : 4.81 % setahun

Kadar Terapung = Kadar Asas Standard (KAS) + *Spread* setahun;

Kadar Keuntungan Efektif Kadar Asas Standard (KAS) +/- *Spread*: 3.00% + 1.81%

Had Kadar Keuntungan : 10.50% setahun

Harga Jualan : RM 198,971.81

(termasuk margin keuntungan)

**Nota:** Pengiraan keuntungan berdasarkan baki harian. Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja

**Nota:** Ilustrasi bagi KAS ialah 3.00% setahun.

Tempoh

- Tempoh minimum: 5 tahun
- Tempoh maksimum: sehingga 35 tahun; ATAU sehingga usia 70 tahun\*; yang mana terdahulu.

\*Nota: Umur minimum 18 tahun dan umur maksima 64 tahun ketika membuat permohonan.

Margin Pembiayaan

- Minimum RM 10,000
- Sehingga RM 200,000.00.
- Sehingga 105% (100% + 5%) daripada jumlah pembiayaan (termasuk yuran dan caj berkaitan seperti takaful, wasiat dan lain-lain jika ada).

4. **Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?**

KAS yang ditawarkan untuk produk ini adalah berdasarkan kadar penanda yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia. Kadar penanda kini ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS), yang merupakan pendirian dasar monetari seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia.

5. **Apakah senario yang mungkin menyebabkan perubahan KAS?**

KAS boleh menaik ataupun menurun akibat daripada perubahan kepada kadar penanda, iaitu perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (KDS).

6. **Sejarah penanda KAS pada 3 tahun yang lepas.**

KAS akan berkuatkuasa pada 1 Ogos 2022 sepertimana yang dinyatakan oleh BNM dalam dokumen polisi Rangka Kerja Kadar Rujukan ("Reference Rate Framework").



بنك معاملات

Bank Muamalat

## PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA (ASB) BERJANGKA-i (ASB PB-i)

Tarikh: \_\_\_\_\_

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

### RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini beserta terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

#### Nota:

- Caj/fi tersebut akan dibayar kepada Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Malaysia.
- Pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan berkuatkuasa sekiranya terdapat sebarang perubahan pada terma dan syarat atau di dalam yuran dan caj yang dikenakan ke atas produk ini.
- Sila rujuk laman sesawang kami di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my) untuk maklumat lanjut berkenaan yuran dan caj.

#### 9. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- **Ta'widh (Caj Ganti Rugi):** Satu peratus (1%) setahun daripada ansuran tertunggak hingga tarikh pembayaran untuk keingkaran pembayaran dalam tempoh pembiayaan dan sebelum tempoh matang atau sejumlah wang bersamaan dengan kadar Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) BNM ke atas baki jumlah prinsipal tertunggak untuk keingkaran pembayaran pembiayaan selepas tempoh matang.
- Amaun *Ta'widh* tidak boleh dikompaunkan ke atas amaun ansuran tertunggak atau amaun baki prinsipal tertunggak.
- Ilustrasi *Ta'widh* dikenakan atas tunggakan bayaran 2 bulan:

|                      |   |
|----------------------|---|
| Jumlah tunggakan     | : RM 1,561.86 (April & May)                     |
| Amaun <i>Ta'widh</i> | = (780.93 x 1% 30/365) + (1,561.86 x 1% 31/365) |
|                      | = 0.64 + 1.32                                   |
|                      | = RM 1.96                                       |

- Tindakan undang-undang akan diambil terhadap anda jika anda gagal memberi maklum balas terhadap notis peringatan mengenai tunggakan pembayaran anda. Apa-apa sekuriti yang dicagarkan kepada Bank mungkin akan dirampas dan anda perlu tanggung segala kos berkaitan pelupusan aset. Anda juga perlu menyelesaikan apa-apa kekurangan yang mungkin ada selepas penjualan aset tersebut.
- Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin boleh menjejaskan kredibiliti kredit anda di mana ianya menyebabkan kemudahan kredit adalah lebih sukar atau mahal untuk anda.


#### • Hak untuk tolak-selesai:

- o Keberhutangan anda kepada Bank termasuk di dalam keberhutangan pada masa kini dan masa hadapan yang mungkin ditanggung oleh anda pada bila-bila masa atau dari semasa ke semasa sama ada sebagai peminjam dan/atau penjamin dan/atau penyedia cagaran hendaklah dijamin oleh cagaran ini atau dari semasa ke semasa yang memihak kepada Bank.
- o Kami berhak untuk menolak-selesai baki tertunggak dalam akaun pembiayaan dengan menggunakan sebarang baki kredit dalam mana-mana akaun anda dengan kami, di mana pihak Bank akan memaklumkan kepada anda sekurang-kurangnya tujuh (7) hari kalendar sebelum tarikh pelaksanaan.
- o Pihak Bank berhak menjual Sijil ASB sekiranya berlaku kegagalan (dua (2) bulan tertunggak atau lebih) dan tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda bagi jumlah kekurangan (jika ada).

#### 10. Bagaimana sekiranya saya membuat penyelesaian sepenuhnya ke atas pembiayaan ini sebelum tempoh matang?

*Ibra'* atau Rebat atas keuntungan tertanggung akan diberikan kepada Pelanggan tertakluk kepada prinsip Syariah:

- Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* bagi penyelesaian awal pembiayaan kepada Pelanggan;
- Pihak Bank perlu memberi *Ibra'* atau Rebat ke atas keuntungan daripada amaun kemudahan yang masih belum digunakan;



#### 7. Apakah tanggungjawab saya?

- Anda perlu memastikan bahawa bayaran perlu dibuat pada satu haribulan (1<sup>hb</sup>) setiap bulan.
- Ilustrasi Jumlah pembayaran berdasarkan KAS pada akhir tempoh pembiayaan 15 tahun adalah RM 140,567.69.

#### Bagi Kadar Terapung

| Kadar (Terapung)                        | Hari ini (KAS* = 3.00%) | Jika KAS meningkat 1% | Jika KAS meningkat 2% |
|---|-------------------------|-----------------------|-----------------------|
| Kadar Berkesan                          | 4.81% setahun           | 5.81% setahun         | 6.81% setahun         |
| Bayaran Bulanan                         | RM 780.93               | RM833.63              | RM888.24              |
| Jumlah kos keuntungan di akhir 15 tahun | RM 40,567.69            | RM50,052.75           | RM59,883.09           |
| Jumlah bayaran di akhir 15 tahun        | RM 140,567.69           | RM150,052.75          | RM159,883.09          |

#### Nota:

- Pengiraan di atas adalah berdasarkan kepada andaian. Ia adalah tertakluk kepada perubahan di dalam terma dan syarat.
- \*KAS setahun bagi tujuan ilustrasi. Jumlah ansuran bulanan dan jumlah bayaran ini mungkin berbeza dengan perubahan dalam KAS. Jika KAS berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Harga Jualan.
- Untuk membayar bayaran bulanan pada lima (5) haribulan setiap bulan. Jika pembiayaan anda dikeluarkan pada hari pertama (1) hingga hari kelima (5) bulan, bayaran bulanan akan perlu dibayar bermula bulan berikutnya. Jika pembiayaan anda dikeluarkan pada hari keenam (6) hingga hari terakhir kalendar bulan, bayaran bulanan akan perlu dibayar bermula bulan selepas bulan berikutnya. Ilustrasi
  - o Pembiayaan dikeluarkan pada 1 hingga 5 April 2023 -> pembayaran akan bermula pada 5 May 2023
  - o Pembiayaan dikeluarkan pada 6 hingga 30 April 2023 -> Pembayaran akan bermula pada 5 Jun 2023

#### 8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

| Fi & Caj              | Amaun |
|-----------------------|-------|
| Setem Hasil (Nominal) | RM 10 |
| Fi Sijil ASB          | RM 50 |



بنك معاملات

Bank Muamalat

PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA  
(ASB) BERJANGKA-i (ASB PB-i)

Tarikh: \_\_\_\_\_

[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf]

## RISALAH PENDEDAHAN PRODUK (RPP)

Sila baca Risalah Pendedahan Produk ini beserta terma dan syarat sebelum anda membuat keputusan untuk memohon produk Pembiayaan ASB Berjangka-i. Sila dapatkan penjelasan daripada kami sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am.

(c) Pihak Bank perlu memberi *ibra'* berdasarkan kepada perbezaan jumlah ansuran bulanan yang telah dibayar dan harga jualan sebenar pada akhir tempoh pembiayaan;

(d) Sebarang *ibra'* atau Rebat yang diberikan oleh pihak Bank perlu disifatkan sebagai terakhir dan muktamad. Pelanggan hendaklah bersetuju dengan ketetapan *ibra'* yang diberikan tanpa sebarang bantahan atau pertikaian;

**Nota:** Perkara (a), (b), & (d) adalah terpakai untuk kedua-dua Kemudahan tetap dan terapung manakala perkara (c) adalah terpakai untuk Kemudahan terapung sahaja dan tertakluk kepada ketiadaan kejadian keingkaran yang berlaku dan berterusan.

(a) Formula Umum *ibra'*:

|   |   |                             |   |   |   |                                       |
|---|---|-----------------------------|---|---|---|---------------------------------------|
| Baki Tertunggak (Harga Jualan Tertunggak) | - | Jumlah Prinsipal Tertunggak | - | Jumlah Terhutang kepada Bank <sup>1</sup> | - | Pengurangan <i>ibra'</i> <sup>2</sup> |
|---|---|-----------------------------|---|---|---|---------------------------------------|

**Yang mana:**

<sup>1</sup>Jumlah terhutang kepada Bank merujuk kepada apa-apa amaun keuntungan yang tertunggak apabila penyelesaian awal seperti keuntungan bulan semasa dan/atau tunggakan keuntungan (jika ada).

<sup>2</sup>Pengurangan *ibra'* merujuk kepada kos yang perlu ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh penyelesaian awal sebelum tempoh matang (jika terpakai).

Ilustrasi *ibra'* yang diberikan atas kemudahan kadar terapung pada penyelesaian awal 10 tahun:

$$\begin{aligned} \textit{ibra'} \text{ diberi} &= 111,347.81 - 39,834.86 - 0 - 0 \\ &= 71,512.95 \end{aligned}$$

\* Jumlah Terhutang kepada Bank mungkin berubah untuk kemudahan kadar terapung akibat perubahan pada kadar.

\***Penafian:** Ilustrasi ini menunjukkan pembayaran ansuran yang ideal oleh pelanggan. Nilai yang digambarkan di atas mungkin berubah mengikut beberapa pembolehubah seperti perubahan kadar untuk kemudahan kadar terapung, ketetapan pembayaran oleh pelanggan, jumlah pengeluaran yang berbeza dan prabayaran. Kadar berkesan bagi ilustrasi *ibra'* adalah 3.81% setahun.

**11. Adakah saya perlu membayar sebarang bayaran pendahuluan atau deposit jaminan?**

Tiada pembayaran pendahuluan deposit.

**12. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?**

Penjamin tidak diperlukan kerana sijil ASB yang diperolehi daripada pembiayaan ini telah dicagarkan kepada pihak Bank.

**13. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?**

Anda bebas membuat pilihan sama ada mahu mengambil perlindungan Takaful atau tidak bagi melindungi pembiayaan anda. Walau bagaimanapun, pelanggan dinasihati untuk mengambil pelan perlindungan Takaful daripada penyedia panel Takaful atau bukan panel Takaful. Pelan perlindungan Takaful diperlukan untuk melindungi baki pembiayaan semasa anda sepanjang tempoh pembiayaan dan/atau terma perlindungan jika berlaku sesuatu yang tidak diingini.

**14. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting untuk menghubungi pihak Bank dengan segera sekiranya berlaku perubahan maklumat untuk memastikan surat menyurat diterima tepat pada masanya.

Tel : 03-26005500  
Laman web : [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)  
Cawangan : Mana-mana cawangan BMMB yang berdekatan

**15. Dimanakah saya boleh mendapatkan bantuan atau pembelaan?**

- Jika anda mempunyai masalah untuk membuat pembayaran, anda boleh menghubungi kami dengan secepat mungkin untuk berbincang mengenai alternatif pembayaran.
- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau servis yang kami sediakan, sila hubungi kami di:

Tulis kepada : Bank Muamalat Malaysia Berhad  
Jabatan Khidmat Pelanggan  
Level 19, Menara Bumiputra  
21 Jalan Melaka, 50100 Kuala Lumpur.

Tel : 03-26005500  
Emel : [feedback@muamalat.com.my](mailto:feedback@muamalat.com.my)  
Laman web : [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my)

- Selain itu, anda juga boleh mendapatkan khidmat Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk memberi perkhidmatan percuma tentang pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Tulis kepada : Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit  
Tingkat 5 & 6, Menara Bumiputra Commerce  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2616 7766  
Emel : [enquiry@akpk.org.my](mailto:enquiry@akpk.org.my)

- Anda boleh mendaftar untuk program "Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!)" yang dianjurkan secara percuma oleh BNM. Program ini diadakan untuk mengajar dan mewujudkan kemahiran kewangan dalam pengurusan wang dan hutang peribadi.
- Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia TELELINK di:

Tulis kepada : Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465 (1-300-88-LINK)  
Fax : 03-2174 1515  
eLINK : <https://telelink.bnm.gov.my>

**16. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut mengenai produk ini, sila rujuk risalah produk yang boleh didapati di semua cawangan kami atau layari laman sesawang kami di [www.muamalat.com.my](http://www.muamalat.com.my).

**NOTA PENTING:**

**TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN KE ATAS PEMBIAYAAN AMANAH SAHAM BUMIPUTERA BERJANGKA-i (ASB PB-i) ANDA. PIHAK BANK MEMPUNYAI HAK UNTUK MFMBATAI KAN PFMBIAYAAN INI PADA RII A-RII A MASA ATAS RUJDI RICARA PIHAK BANK.**

Maklumat yang diberikan di dalam risalah pendedahan produk ini adalah sah pada: **5 Julai 2023**